

UMK dan MPC perluaskan jaringan kerjasama strategik

Oleh : Syarimie Wosley

Gambar : Al Azam Razi

Hebahan : Berita@umk.edu.my

KUALA LUMPUR 5 Jun – UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan kerjasama dalam memperluaskan hubungan dua hala dan pertukaran kerjasama akademik apabila memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Pengarah Hal Ehwal Korporat (PHEK), UMK, YBhg. Prof. Dr. Nik Mahtera bin Nik Muhammad, pihak UMK memilih menjalin kerjasama dengan MPC adalah bertujuan untuk menyediakan satu rancangan kerjasama antara organisasi dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi serta latihan yang berkaitan.

Beliau berkata, kedua-dua pihak menyedari bahawa konsep koordinasi usahasama dalam projek dan aktiviti yang dilaksanakan secara berterusan beserta bantuan kepakaran teknologi berupaya meningkatkan prestasi untuk keduanya dalam bidang masing-masing.

“Bidang umum kerjasama ini juga meliputi bagi mengenalpasti bidang-bidang dan program latihan yang akan dilaksanakan seperti menjalankan kursus profesional, pendidikan berterusan dan latihan yang berkaitan, melaksanakan kerja-kerja perundingan profesional, penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi dan aktiviti-aktiviti lain antara kedua-dua pihak” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Memorandum Persefahaman (MoU) oleh Ketua Pengarah MPC, YBhg. Dato’ Mohd Razali bin Hussain kepada Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, sempena Pelancaran Laporan Produktiviti 2012/2013 dan Forum Produktiviti 2013 (CREANOVA 2), di sebuah hotel di Bandar Sunway, Kuala Lumpur, pada 4 Jun 2013.



Majlis Penyerahan MOU itu turut disaksikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Pengerusi MPC, YBhg. Tan Sri Dato’ Azman Hashim.

Menurut Prof. Dr. Nik Mahtera, bidang kerjasama ini turut melibatkan keperluan pelaksanaan dan kewangan sesuatu program dan aktiviti latihan oleh kedua-dua pihak.

Sementara itu, pada ucapan Dato’ Seri Mustapa Mohamed berkata Ekonomi Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan produktiviti tiga hingga empat peratus tahun ini.



Berdasarkan kepada Laporan Produktiviti 2012/2013, unjuran ini akan disokong oleh prestasi semasa daripada pelbagai sektor ekonomi.

Industri pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan produktiviti 13 peratus dan sektor pengeluaran 15 peratus tahun ini, disokong oleh subsektor minyak dan gas, pengangkutan dan utiliti, demikian menurut laporan berkenaan.

Jelas beliau, Malaysia mencatat pertumbuhan produktiviti dua peratus tahun lepas kepada paras produktiviti RM58,875 daripada RM57,737 pada 2011.

“Peningkatan itu membuktikan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi (RTP) telah membuahkan hasil dengan meningkatkan prestasi produktiviti beberapa sektor ekonomi,” katanya.

